

# Isu adil dalam berpoligami

Lelaki dibolehkan berpoligami jika mampu dan bertanggungjawab

Oleh SYAHIDATUL AKMAL DUNYA

SHAH ALAM



Disiarkan secara langsung bermula 19 Oktober pada hari Isnin hingga Jumaat setiap jam 6 petang menerusi platform digital Sinar Harian

**P**ersoalan sama ada mampu berlaku adil atau tidak sering menjadi hujah isteri sehingga menyebabkan isu poligami dipandang negatif.

Pendakwah bebas, Kapten (B) Mohd Asri Abdul Khalek berkata, seseorang lelaki boleh berpoligami apabila berjaya menjalankan tanggungjawab kepada AL-LAH SWT, isteri dan anak-anaknya dengan sempurna.

Menurutnya, sekiranya berkemampuan mereka dibenarkan untuk berpoligami.

"Kebanyakan isteri di luar sana akan mencari sekecil-kecil alasan dan hujah bagi membuktikan bahawa suaminya tidak mampu untuk berlaku adil terhadapnya dan anak-anak apabila mempunyai keluarga yang lain.

"Sedangkan sebagai seorang suami yang telah menjalankan tanggungjawab kepada



Dari kiri: Fazrul, Mohd Asri, Mohammad Nidzam dan Ustaz Tarmizi pada Wacana Al-Quran bertajuk 'Kongsi Kasih: Mampukah Adil' di Kompleks Kumpulan Karangkruf, Shah Alam pada Isnin.

isteri dan anak-anak, dia dapat melihat kemampuannya untuk melakukan keadilan kepada isteri yang kedua pula," katanya selaku panelis pada program Wacana al-Quran bertajuk 'Kongsi Kasih: Mampukah Adil' di Kompleks Kumpulan Karangkruf di sini pada Isnin.

Turut menjadi panelis ialah Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohammad Nidzam Abdul Kadir sementara Ketua Pegawai Penyelidik Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF), Fazrul Ismail pula bertindak sebagai moderator manakala qari jempunan, Ustaz Tarmizi Abdul Rahman memperdengarkan bacaan Surah al-Nisa ayat 3.

Mengulas lanjut, Mohd Asri yang juga Penasihat Pertubuhan Poligami Harmoni Malaysia berkata, tidak dinafikan ada segelintir lelaki yang mahu berpoligami te-

tapi mencipta pelbagai alasan sehingga ada yang sanggup memburukkan isteri.

"Saya mahu menasihatkan wanita yang mahu menerima seorang lelaki telah berkahwin supaya tidak menerima lelaki yang memburukkan isterinya.

"Lelaki yang memburukkan isteri pertama perlu ditolak awal-awal. Ini adalah perkara yang penting kerana dia mungkin akan memburukkan isteri kedua atau yang ketiga," katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata, masyarakat juga perlu mengubah persepsi terhadap isu berpoligami.

"Jangan pandang buruk tentang berpoligami. Ramai sahaja pasangan berpoligami yang bahagia dan harmoni tetapi yang digambarkan ada bermasalah.

"Sebenarnya mudah sahaja. Jika mampu berlaku adil dan dapat melaksanakan tanggungjawab dengan baik, maka berpoligamilah," katanya.



MOHD ASRI